

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini tender perolehan pesawat tempur ringan dan UAV, serta impak kekangan kewangan akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tender bagi perolehan pesawat tempur ringan atau dikenali sebagai *Fighter Lead In Trainer - Light Combat Aircraft (FLIT-LCA)* telah ditutup pada 6 Oktober 2021 yang lalu dan seterusnya akan melalui fasa Penilaian Tender yang dijangkakan akan bersidang dalam jangka waktu terdekat.

Status perolehan pesawat terbang tanpa pemandu kategori *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System (MALE UAS)* bagi kegunaan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) kini di dalam fasa Penilaian Fizikal. Perlaksanaan hanya tertumpu ke atas platform MALE UAS yang telah lulus penilaian keseluruhan Teknikal Tender oleh ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender (JPTT). Namun begitu, pihak Kementerian tidak boleh mendedahkan senarai platform MALE UAS yang disenarai pendek kerana masih berada di dalam proses tender perolehan.

Secara amnya, dengan penularan pandemik COVID 19 yang kini melanda negara, ianya sudah tentu telah memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya. Namun begitu, sehingga kini, kesemua program perolehan TUDM masih berjalan seperti yang dirancang. Terima kasih.